

**Tanggungjawab moral kerajaan bantu golongan memerlukan – PM
Utusan Online
22 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 22 Mei - Tanggungjawab membantu rakyat yang ditimpa kesusahan dan golongan yang memerlukan bantuan adalah tanda kerajaan memperjuangkan kepimpinan masyarakat yang bertamadun.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan melalui pelbagai langkah telah memenuhi tanggungjawab sosial dan ekonomi untuk membantu mereka yang memerlukan.

Beliau berkata, antara usaha dilaksanakan termasuk menangani masalah kos sara hidup yang dijadikan satu daripada tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) selaras Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Usaha lain katanya, termasuk menyediakan klinik, kedai serbaneka dan restoran 1Malaysia sebagai alternatif lebih murah tanpa menjejaskan kualiti serta pelaksanaan gaji minimum dalam masa terdekat yang akan meningkatkan pendapatan lebih daripada 400,000 pekerja.

Beliau berkata, melalui langkah-langkah itu tanggungjawab sosial dan ekonomi kerajaan untuk membantu kehidupan rakyat dipenuhi.

"Apa yang lebih penting adalah tanggungjawab moral kami untuk membantu rakyat yang ditimpa kesusahan atau mereka yang memerlukan sedikit bantuan.

"Sesungguhnya memenuhi tanggungjawab ini merupakan penanda bagi satu masyarakat yang bertamadun," katanya dalam pernyataan terbaru dalam akaun Facebooknya.

Perdana Menteri turut berkongsi pengalaman menyerahkan rumah bantuan kepada wanita bernama Teoh Yong King yang terpaksa menumpang di sebuah kuil selepas rumahnya musnah dalam kebakaran.

"Semasa melawat Nibong Tebal, Pulau Pinang saya telah menghadiri majlis penyerahan kunci rumah kepada keluarga yang kehilangan rumah.

"Di sana saya bertemu dengan seorang wanita istimewa yang telah mengharungi pelbagai kesukaran dan kesusahan dengan penuh ketabahan demi untuk menampung kehidupan keluarganya.

"Oleh kerana dia tidak bekerja, Yong King tidak mampu untuk mencari kediaman baru bagi keluarganya lalu dia mencari bantuan.

"Ini hanyalah satu contoh di peringkat daerah bagaimana kerajaan saya bertekad untuk membantu mereka yang memerlukan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0523&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm

